



20 Aug 2018

Utusan Sarawak, Malaysia

Author: No author available • Section: EKONOMI • Page: 1 • Printed size: 152.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Item ID: MY0033652308

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

## CEPSI acara bermaklumat penggiat bekalan elektrik

**KUALA LUMPUR:** Persidangan Industri Bekalan Tenaga Elektrik (CEPSI) 2018, yang dihoskan Tenaga Nasional Bhd (TNB), akan menjadi acara bermaklumat bagi penggiat industri bekalan elektrik untuk memperoleh maklumat mengenai amalan terbaik dalam menangani cabaran yang dihadapi industri berkenaan.

Peserta akan memperoleh maklumat daripada pakar terkemuka tempatan dan antarabangsa yang akan berkongsi ilmu dan pengalaman mengenai beberapa topik berkaitan 'Reimaging Utility of the Future', yang menjadi tema CEPSI 2018.

Tema itu mendokong transformasi industri dalam menangani cabaran gangguan teknologi, peralihan ekonomi, evolusi kelestarian sehinggalah kepada syarat kawal selia serta pening-

katan jangkaan pengguna, kata TNB menerusi satu kenyataan semalam.

Menerusi 550 kertas teknikal, 15 tokoh yang menyampaikan ucaptama serta kira-kira 150 pempamer, CEPSI 2018 akan menjana perbincangan bermakna selain mewujudkan rantaian dalam kalangan perwakilan dari lebih 30 negara.

Lebih 1,500 perwakilan dijanga menyertai CEPSI 2018, yang dijadual berlangsung dari 17 hingga 22 Sept di Kuala Lumpur Convention Centre, katanya.

TNB menjadi tuan rumah ke-22 CEPSI bagi pihak Persatuan Industri Bekalan Elektrik Asia Timur dan Pasifik Barat (AESIEAP).

Sejak penubuhannya pada 1976 di Hong Kong SAR, CEPSI telah berkembang menjadi acara antarabangsa yang pent-

ing bagi syarikat industri tenaga, pemimpin utiliti, profesional industri serta pakar dari seluruh dunia untuk bertukar idea dan belajar daripada satu sama lain.

TNB memperoleh 27 pena-jan untuk CEPSI 2018. IBM, salah sebuah syarikat teknologi maklumat terbesar dunia dan Rohas Tecnic Berhad, pengeluar terbesar menara monopol dan 'lattice'di Malaysia, merupakan dua penaja terbaharu.

Penaja lain terdiri daripada Siemens, Edra Power Holdings, BMW, ABB, GE, Accenture, Huawei, Sarawak Energy, Daelim, Meralco, CG Power Systems Indonesia, Tai Chyun Ind., Schneider Electric, Pes-tech Energy, Ernst & Young, Nokia, LLC Berhad, Trilliant, Samsung C&T, Perusahaan Listrik Negara, GMR Energy Ltd, Malakoff, PWC, Andritz, dan Sagemcom.- Bernama



20 Aug 2018  
Utusan Sarawak, Malaysia

Author: No author available • Section: EKONOMI • Page: 1 • Printed size: 152.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Item ID: MY0033652308

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

## SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Persidangan Industri Bekalan Tenaga Elektrik (CEPSI) 2018, yang dihoskan Tenaga Nasional Bhd (TNB), akan menjadi acara bermaklumat bagi penggiat industri bekalan elektrik untuk memperoleh maklumat mengenai amalan terbaik dalam menangani cabaran yang dihadapi industri berkenaan. Peserta akan memperoleh maklumat daripada pakar terkemuka tempatan dan antarabangsa yang akan berkongsi ilmu dan pengalaman mengenai beberapa topik berkaitan 'Reimagining Utility of the Future', yang menjadi tema CEPSI 2018.